

ATM pantau kes Rizalman

Oleh **MOHD. FAUZI MOHAMAD SUHAIMI**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan sentiasa membuat pemantauan dan melihat perkembangan kes bekas Pembantu Staf Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Muhammad Rizalman Ismail yang dituduh menyerang seorang gadis di Wellington, baru-baru ini.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin berkata, untuk tujuan itu, pihaknya telahpun menghantar dua orang pegawai bagi melihat perkembangan serta membantu dalam menyelesaikan kes tersebut.

"Kami difahamkan kes ini akan diuruskan oleh Wisma Putra iaitu Kementerian Luar dan Pejabat Peguam Negara, bagaimanapun kami juga akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa berkenaan kes ini sehingga selesai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Maal Hijrah 2014 di Masjid Khalid Al-Walid, di sini hari ini.

Yang hadir sama Panglima Ten-



ZULKIFELI MOHD. ZIN tertarik melihat jus peria yang dijual **Rassuan Mohamad** (kiri) semasa melawat pameran sempena Karnival Maal Hijrah 2014 di Masjid Khalid Al-Walid, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI



MUHAMMAD RIZALMAN ISMAIL

tera Udara, Jeneral Dattuk Seri Roslan Saad; bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ismail Omar dan Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat), Jeneral Kamarudin Mamat.

Beliau diminta mengulas dan memberikan perkembangan terkini mengenai kes melibatkan Muhammad Rizalman yang didakwa melakukan pecah rumah dan serangan seksual dengan niat merogol.

Muhammad Rizalman, 38, ditahan di New Zealand pada 9 Mei lalu dan dibawa ke mahkamah pada keesokan harinya untuk didakwa.

Dalam perkembangan lain, Zulkifeli berkata, buat pertama kalinya ATM yang dipelopori oleh Kagat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan karnival berbentuk keusahawanan seperti itu.